

Selasa – 20 Oktober 2020

Halaman : 18

Pindah dua minggu sekali elak Covid-19

GUA MUSANG – Lebih 200 penduduk Orang Asli Bateq di Kampung Kuala Koh di sini yang risau mengenai pandemik Covid-19 hidup berpindah-randah di sekitar 10 kawasan hutan tidak jauh dari kampung mereka sejak lebih enam bulan lalu.

Kebanyakan penduduk berpindah ke kawasan hutan dan tepi sungai kira-kira 10 hingga 15 kilometer dari kampung Kuala Koh bagi mengelakkan ahli keluarga dijangkiti wabak.

Seorang penduduk Orang Asli, Johan Taun, 75, berkata, penduduk mencari kawasan baharu yang mempunyai kemudahan air bersih dan sumber makanan.

Katanya, sejak sebulan lalu, dia berpindah ke kawasan pinggir sungai berdekatan Taman Negara Kuala Koh.

“Dalam tempoh itu, kami telah tinggal sementara di Sungai Lubuk Kucing.

“Kami telah mendirikan khemah kerana kawasan ini mudah mendapat air bersih dan mem-

buru haiwan untuk makanan,” katanya.

Seorang lagi penduduk Orang Asli, Pikas Langsat, 35, berkata, mereka berasa selamat tinggal di kawasan hutan dan pinggir sungai.

Katanya, mereka berpindah ke tempat lain setiap dua minggu sekali.

“Kampung Orang Asli Kuala Koh kini sudah lengang kerana mereka berpindah ke hutan akibat penularan wabak Covid-19 sejak Mac lalu.

“Meskipun hidup di kawasan pedalaman, kami mengetahui maklumat mengenai bahaya wabak Covid-19 kerana penduduk mempunyai kemudahan telefon dan internet untuk mengikuti perkembangan semasa,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, Amran Arifin berkata, Orang Asli Bateq sudah biasa hidup berpindah randah atau secara nomad kerana aktiviti itu merupakan amalan mereka sejak turun temurun.



JOHAN (kiri) berbual bersama rakannya ketika berpindah ke kawasan Sungai Lubuk Kucing berhampiran Taman Negara Kuala Koh semalam.